

SULIT

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN
ABU HASAN
(PARIT)**

TARIKH : 23.11.2016 (RABU)

NO. SOALAN : 19

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah terdapat rancangan untuk mengadakan kios khusus untuk produk-produk desa di setiap perhentian MRT dan LRT untuk memastikan pengusaha-pengusaha kecil di luar bandar turut merasai limpahan ekonomi hasil usaha transformasi pengangkutan moden itu.

SULIT

SULIT

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Dato', Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan Syarikat Mass Rapid Transit (MRT) Corporation untuk mewujudkan kerjasama dalam membangunkan "*retail outlet*" di stesen-stesen MRT. Walau bagaimanapun, perkara ini masih di peringkat perbincangan dan belum diputuskan.

SULIT